

30/04/2004

Dr Mahathir lancar Pustaka Perdana

PUTRAJAYA: Pustaka Perdana yang menempatkan buku serta dokumen mengenai riwayat, dasar kerajaan serta wawasan empat bekas Perdana Menteri sejak kemerdekaan negara, 46 tahun lalu, dilancarkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Perpustakaan yang dikendalikan Yayasan Kepimpinan Perdana itu dibuka kepada orang ramai yang ingin membuat rujukan dan bahan tertentu boleh dipinjam untuk tempoh tertentu.

Pengerusi yayasan, Tan Sri Azizan Zainul Abidin, berkata perpustakaan itu akan mengumpulkan koleksi menyeluruh mengenai perkembangan politik, ekonomi dan sosial serta tokoh penting dalam sejarah negara.

"Dokumen rasmi yang tidak lagi dikategorikan sebagai rahsia kerajaan juga boleh diperoleh untuk rujukan, selain ucapan dan perangkaan dasar empat bekas Perdana Menteri serta pelbagai bahan lain yang berkaitan sejarah negara.

"Kita turut menjemput warga emas, khususnya pesara sektor awam dan swasta yang mungkin boleh membantu yayasan ini mendapat gambaran lebih jelas mengenai peristiwa tertentu, selain cuba memperoleh dokumen atau salinan dokumen penting yang kini dimiliki individu.

"Justeru, mereka yang memiliki dokumen bersejarah diminta bekerjasama dengan kami bagi mengemas kini data sedia ada," katanya pada majlis pelancaran itu.

Pustaka Perdana juga mempunyai laman web mengandungi pelbagai maklumat tambahan yang boleh dijadikan bahan rujukan menerusi <http://library.perdana.org.my:8000>.

Yayasan Kepimpinan Perdana ditubuhkan dengan bantuan 26 syarikat serta individu dengan masing-masing menyumbang RM1 juta serta Petronas yang menyumbangkan barangan bernilai lebih RM3 juta.

Azizan berkata, bagi memastikan kesinambungan pelbagai program seperti kolokium, bengkel serta penyelidikan yang dirancang yayasan itu, satu tabung khas akan diwujudkan bagi menjamin punca kewangan berterusan membiayainya.

Yayasan Kepimpinan Perdana akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Jun ini.

(END)